

Anak muda perlu berani tonjol idea – Tun Jeanne

KUALA LUMPUR 4 Mac – Golongan muda perlu berani menonjol dan menerjemahkan idea-idea bernas mereka dalam bidang yang diminati.

Pengerusi Landskap Malaysia, Tun Jeanne Abdullah berkata, sebagai pelajar universiti, ini adalah masa bagi mereka meletakkan sepuh komitmen dan tanggungjawab dalam mencabar diri untuk melakukan sesuatu perkara di luar kotak.

Katanya, kesungguhan dalam memikul sesuatu tanggungjawab pasti akan menghasilkan keputusan yang baik sekali gus dapat memahami dan berkongsi tentang perkara atau pengalaman yang diinginkan.

“Dalam setiap yang dilakukan mesti ada minat supaya idea-idea

dapat dikongsi bersama dengan yang lain kerana nilai yang baik pasti ada idea yang baik.

“Selain itu, jangan pernah memandang rendah kepada orang lain terutama kepada yang berlainan kaum kerana apa yang penting adalah tanggungjawab seseorang itu dalam berkongsi setiap idea yang ada sama rata,” katanya ketika berucap dalam majlis Perasmian Karnival Putra Canselor di Universiti Putra Malaysia (UPM), dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Shafar Sabran dan Penaung karnival Putra Canselor, Dr. Paiman Bawon.

Karnival Putra Canselor kali kelima yang berlangsung selama tiga hari sehingga Ahad ini merupakan program tahunan UPM.

Sementara itu, Pengarah Program, Rosni Muhammad Daut berkata, sesuai dengan situasi semasa, konsep yang diketengahkan tahun ini adalah berkaitan dengan usaha menyatukan perbezaan dari segala aspek.

“Perbezaan bukan lagi dianggap sebagai satu halangan tetapi sebagai satu rahmat dan juga anugerah kepada rakyat Malaysia,” katanya.

Terdapat sebanyak 23 aktiviti diadakan sepanjang karnival tersebut termasuk berbasikal dan *wall climbing*.

Jeanne turut menanam pokok sebagai tanda menyokong aktiviti yang dijalankan.



JEANNE ABDULLAH menyiram pokok Merawan Siput Jantan sempena Karnival Putra Canselor di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam. – UTUSAN/MD. SHAHJEHAN MAAMIN